

**KAJIAN PERSPEKTIF ALUMNI “DIIM JOHOR” TERHADAP
PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN MAKLUMAT UiTM
DAN ARAH TUJU MASA DEPAN KERJAYA**



OLEH :

**ZAILANI BIN SHAFIE
ABDUL RAZAK BIN ABU
ROSNITA BT SAHRANI**

MAC 2007

KANDUNGAN

SURAT PERLANTIKAN MENJALANKAN PROJEK	i
SURAT PENYERAHAN LAPORAN	ii
DAFTAR AHLI PENYELIDIK	iii
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR JADUAL DAN RAJAH	v
ABSTRAK	vi

BAB SATU

1.0 Pengenalan	1
1.0.1 Pendidikan	2
1.0.2 Kerjaya	4
1.1 Objektif Kajian	5
1.2 Kepentingan Projek	6
1.3 Skop Projek	7
1.4 Difinasi Terma/Konsep	7

BAB DUA

2.0 Ulasan Kajian	10
--------------------------	-----------

BAB TIGA

3.0 Methodologi Kajian	23
3.0.1 Kajian terdahulu	23
3.0.2 Soalselidik	24
3.1 Pilihan Sampel	24
3.2 Batasan Kajian	24

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kerana dapat menyempurnakan penyelidikan kecil yang tidak seberapa ini. Selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad saw. Saya dan rakan penyelidik En Razak Abu dan Pn Rosnita Sahrani berharap dengan hasil penyelidikan ini sekurang-kurangnya dapat memberi idea kepada kawan-kawan yang lain dalam program Fakulti Pengurusan Maklumat mencari usaha membuat penambahbaikan berterusan terhadap kursus dan subjek program DIIM di masa-masa hadapan.

Ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pengarah UiTM, Prof Madya Dr Omar Samat dan pihak Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomesialan (URDC) Johor kerana memberi peluang dan daya usaha memastikan penyelidikan ini dapat terus berjalan dengan baik dan sempurna.

Penghargaan dan terimakasih juga kepada Dekan dan Timbalan-timbalan Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat yang memberi galakan dan sokongan terhadap penyelidikan ini. Terimakasih buat rakan-rakan pensyarah, kakitangan yang terlibat dan alumni DIIM Johor kerana memberi kerjasama bagi melengkapkan dalam proses menyiapkan hasil kajian ini.

Tidak ketinggalan ucapan terimakasih kepada unit pencetakan, perpustakaan Tun Dr Ismail Johor dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini dapat disiapkan dengan sempurna.

**KAJIAN PERSPEKTIF ALUMNI “DIIM JOHOR” TERHADAP
PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN MAKLUMAT UiTM
DAN ARAH TUJU MASA DEPAN KERJAYA**

**Oleh;
Zailani Shafie
Abdul Razak Abu
Rosnita Sahrani**

ABSTRAK

Di antara faktor penting dalam pembangunan kurikulum pendidikan adalah memenuhi kehendak kerjaya pasaran semasa. Alumni atau bekas pelajar boleh menjadi sebahagian penyumbang penting dalam peningkatan pembangunan kurikulum disamping dapat mengetahui pasaran kerjaya lulusan Diploma Pengurusan Maklumat yang telah dikeluarkan. Kajian ini membantu memberi menafaat dalam menilai kembali adakah ilmu-ilmu yang diperolehi memberi manafaat secara langsung terhadap kerjaya mereka sekarang dan mengenalpasti bidang kajian yang menjadi pilihan setelah memperolehi diploma masing-masing. Mengenalpasti perancangan masa hadapan para graduan dan mendapatkan cadangan untuk penambahbaikkan program.

Hasil kajian mendapati sebilangan besar Alumni program Diploma Pengurusan Maklumat UiTM Johor memilih untuk menyambung pengajian mereka dalam bidang yang sama. Manakala, sebilangan kecil memilih untuk terus bekerja dan kebanyakan daripada mereka bekerja di sektor pengurusan dan pentadbiran serta berstatus tetap. Bagi menambahbaik program ini, rata-rata responden mencadangkan agar latihan praktikal diserapkan atau perlu diadakan bagi pelajar semester akhir Diploma Pengurusan Maklumat.

KAJIAN PERSPEKTIF ALUMNI “DIIM JOHOR” TERHADAP PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN MAKLUMAT UiTM DAN ARAH TUJU MASA DEPAN KERJAYA

BAB SATU

1.0 PENGENALAN

Dunia memperakui ilmu dan maklumat pada masa kini menjadi aset besar bagi pembangunan sesebuah negara. Kerajaan kita pada masa kini juga konsisten dalam memberikan perioriti utama kepada perkembangan pendidikan negara. Ini dapat dilihat melalui budget pendidikan yang sentiasa berada ditempat kedua terbesar selepas budget pengurusan dalam setiap kali pembentangan perancangan kewangan budget negara termasuklah dalam pembentangan budget Rancangan Malaysia Kesembilan atau RMK9 baru-baru ini.

Pembangunan pesat institusi pendidikan negara samada dari segi penubuhan sekolah-sekolah baru dan institusi pengajian tinggi yang baru turut sama menuntut pembangunan prasarannya sekali. Di antara prasarana yang wajib ada adalah pusat maklumat dan ilmu bagi sesebuah institusi berkenaan seperti perpustakaan atau Pusat Sumber Maklumat. Peranan pembantu pengurusan maklumat diperlukan dalam memberi perkhidmatan